



MANUAL PENGURUSAN KESEMPURNAAN MANASIK

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri
www.jawhar.gov.my

Cetakan Pertama ... 2010

© Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Aras 7, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Jabatan Perdana Menteri

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel: 603-8883 7400 Faks: 603-8883 7406

Dicetak oleh:

Najjah One Trading & Services

18, Jalan Setia, Desa Seri Melor 2

Sg. Merab Luar

43000 Kajang

SELANGOR

Tel: 603-8926 9896 Faks: 603-8926 9897



PERUTUSAN
YB. MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Segala puji bagi Allah S.W.T., selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga serta para sahabat Baginda serta seluruh mukmin yang memperjuangkan syariat Islam.

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dinobatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan taufik serta inayahNya, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah berjaya menerbitkan sebuah lagi siri Manual Pengurusan JAWHAR dalam bidang haji iaitu Manual Pengurusan Kesempurnaan Manasik (MPKM). Sekalung penghargaan dan tahniah di atas kejayaan JAWHAR dengan kerjasama Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Lembaga Tabung Haji, Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Yayasan ITMAM Malaysia dalam menghasilkan penerbitan ini. Penerbitan MPKM adalah selaras dengan Teras Strategik 1, Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) iaitu Pengukuhan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji selaras dengan syariah demi peningkatan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi penerbitan siri manual tadbir urus terbaik pada setiap tahun.

Penerbitan MPKM pada tahun ini merupakan wacana ilmu yang diilhamkan daripada pengetahuan, pengalaman, kepakaran dan idea panel-panelnya. MPKM bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para jemaah haji dan umrah tentang kemabruran ibadah-ibadah tersebut hasil

dari kesempurnaan pengurusan dan pelaksanaannya. Selain itu, ia menyediakan panduan kepada para jemaah dan agensi pengelola haji dan umrah tentang tata urus yang perlu dilaksanakan sewajarnya bagi membolehkan jemaah memperoleh haji dan umrah yang mabrur. Justeru, penerbitan MPKM ini akan membantu agensi-agensi pengelola haji dan umrah memantapkan lagi tadbir urus terbaik masing-masing dalam usaha meningkatkan kualiti sistem penyampaian dan pengendalian perkhidmatan ibadah tersebut.

Adalah diharapkan seluruh umat Islam khususnya bakal jemaah haji dan umrah memanfaatkan sepenuhnya MPKM yang diterbitkan ini. Selain itu, agensi-agensi pengelola perkhidmatan haji dan umrah perlu lebih prihatin dalam penyampaian perkhidmatan mereka dan memastikan pelaksanaan kedua-dua ibadah ini oleh jemaah di bawah kendalian mereka adalah selaras dengan segala rukun, syarat dan peraturan-peraturan yang telah digariskan.

Akhir kata, semoga niat dan usaha murni ini akan mendapat ganjaran pahala dan keberkatan daripada Allah S.W.T. jua serta memberi manfaat yang berterusan kepada seluruh umat Islam, InsyaAllah.

Sekian, terima kasih.

والسلام



**SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HJ. BAHAROM (B)
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri**



SEKAPUR SIRIH
KETUA SETIAUSAHA NEGARA



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas keizinanNya jua, Manual Pengurusan Kesempurnaan Manasik (MPKM) telah berjaya diterbitkan. Sekalung penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Lembaga Tabung Haji, Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd. serta Yayasan ITMAM Malaysia yang telah menyumbangkan idea, pengetahuan dan pengalaman bagi menghasilkan Manual ini.

Penerbitan MPKM merupakan usaha gigih JAWHAR yang berterusan dalam meningkatkan pengetahuan dan memupuk kesedaran umat Islam terhadap pelaksanaan ibadat haji dan umrah berlandaskan syariat yang telah ditetapkan. Sesungguhnya setiap umat Islam sentiasa diseru untuk menunaikan ibadat haji dan umrah yang sempurna apabila telah cukup syarat-syaratnya. Panduan lengkap yang dihuraikan dalam Manual ini dapat dijadikan rujukan dan membantu para jemaah haji dan umrah memperkemas perancangan ibadat mereka ke arah mencapai haji dan umrah yang mabrur, InsyaaAllah.

Saya percaya usaha ini dapat menyumbang kepada proses pembangunan insan cemerlang, baik dari aspek duniawi mahupun ukhrawi demi keredhaan Allah S.W.T. jua.

Sekian, terima kasih.

والسلام



TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HASSAN
Ketua Setiausaha Negara



SEULAS PINANG
KETUA PENGARAH
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
(JAWHAR)



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipasakkan kepada Allah S.W.T. di atas limpah rahmat dan hidayahNya kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sehingga beroleh kesempatan menerbitkan sebuah lagi siri manual tadbir urus terbaik yang dikenali sebagai Manual Pengurusan Kesempurnaan Manasik (MPKM). Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada pegawai-pegawai Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Ibu Pejabat Lembaga Tabung Haji, Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Yayasan ITMAM Malaysia di atas kerjasama dan komitmen jitu yang diberikan bagi memastikan penerbitan MPKM ini berjaya.

Pelaksanaan ibadah haji dan umrah mengikut syariat Islam amatlah dituntut ke atas para jemaahnya. Justeru, penerbitan MPKM merupakan usaha murni JAWHAR dalam menyediakan satu lagi penerbitan yang memberi penekanan khusus dan mendalam terhadap pengurusan dan pelaksanaan ibadah haji dan umrah bagi memperoleh haji dan umrah yang mabrur.


Wujud pelbagai persepsi dalam kalangan jemaah haji dan umrah mengenai kemabruran ibadah yang dilaksanakan. Ini menyebabkan terdapat sebilangan jemaah keliru mengenai pelaksanaan ibadah ini. Justeru, MPKM ini akan menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai kemabruran haji dan umrah dari perspektif Islam yang sebenar. Ia juga turut membincangkan sebab-sebab yang menyebabkan ibadah haji tidak mabrur secara lebih khusus dan mendalam.

Usaha JAWHAR ini adalah bagi membantu para jemaah meningkatkan kefahaman mereka terhadap konsep dan pelaksanaan ibadah haji dan umrah berlandaskan syariat Islam bagi memperoleh kemabruran yang diimpikan dalam ibadah tersebut. Ianya juga adalah selaras dengan salah satu agenda penubuhan JAWHAR yang terkandung dalam Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) iaitu 'Pengukuhan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji Selaras Dengan Syariah Demi Peningkatan Taraf Sosio-Ekonomi Ummah'. Oleh itu, penerbitan MPKM ini adalah usaha berterusan dalam mewujudkan suatu sistem tadbir urus terbaik perkhidmatan haji dan umrah yang menitikberatkan kesempurnaan dalam pelaksanaan ibadah tersebut.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar mutiara ilmu yang dititipkan dalam MPKM ini akan memberi manfaat kepada para jemaah haji dan umrah untuk mencapai haji dan umrah yang mabrur. Semoga perjalanan ke Baitullah dipermudahkan dan ibadah yang dilaksanakan akan diterima oleh Allah S.W.T. jua, Amin.

Sekian, terima kasih.

والسلام



DATO' DR. HJ. SOHAIMI HJ. MOHD SALLEH
Ketua Pengarah JAWHAR

PENGHARGAAN



Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri merakamkan sekalung penghargaan khusus kepada **Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Lembaga Tabung Haji, Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Yayasan ITMAM Malaysia** di atas sumbangan maklumat dan input yang lengkap dalam penerbitan **Manual Pengurusan Kesempurnaan Manasik (MPKM)** ini.

Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat memberikan kerjasama bagi menghasilkan MPKM ini.

GLOSARI



1. **Maqbulah** : Istilah yang digunakan untuk manasik umrah merujuk kepada umrah yang diterima oleh Allah S.W.T.
2. **Mandub** : Perkara-perkara sunat
3. **Mustahab** : Amalan yang digalakkan
4. **Tatawwu'** : Amalan terpuji
5. **Fasad** : Akhlak yang rosak, perangai buruk
6. **Muktabar** : Orang yang boleh dijadikan iktibar, boleh dijadikan pegangan, ajarannya bersesuaian dengan ahli sunnah *wal jamaah*, diperakui oleh Pihak Berkuasa Agama
7. **Zuhud** : Warak
8. **Sum'ah** : Menunjuk-nunjuk
9. **Ujub** : Merasa kagum pada diri sendiri
10. **Hari-hari Tasyrik** : Hari ke-11,12 dan 13 Zulhijjah
11. **Hari Tarwiah** : Hari ke-8 Zulhijjah, dinamakan Tarwiah kerana hari yang sibuk mengisi air sebagai bekal ke wukuf di Arafah, Mabit Muzdalifah dan amalan haji di Mina, kerana sumber yang terhad
12. **Berinfag** : Sumbangan harta di jalan Allah
13. **Tamam** : Sempurna 4 rakaat
14. **Nusuk** : Amalan Haji
15. **Lagha** : Melalaikan

16. ***Ijtimaiah*** : Kemasyarakatan
17. ***Ta'aruf*** : Berkenal-kenalan

KANDUNGAN



PERUTUSAN YB. MENTERI

SEKAPUR SIRIH KETUA SETIAUSAHA NEGARA

SEULAS PINANG KETUA PENGARAH JAWHAR

PENGHARGAAN

GLOSARI

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Tujuan	2
1.3	Skop	2
1.4	Justifikasi Penyediaan Manual	3
1.5	Kesimpulan	3

BAB 2 : IBADAH HAJI

2.1	Pengenalan	6
2.2	Dalil Dan Pensyariatan Haji	6
2.3	Syarat Dan Rukun Haji	7
2.4	Permasalahan Dalam Ibadah Haji	7
2.5	Kesimpulan	11

BAB 3 : PENGERTIAN HAJI MABRUR

3.1	Pengenalan	13
3.2	Pengertian Haji Mabru	15
3.3	Persepsi Terhadap Haji Mabru	17
3.4	Mengapa Haji Tidak Mabru	19
3.5	Kesimpulan	19

BAB 4 : PANDUAN KE ARAH HAJI MABRUR

4.1	Pengenalan	21
4.2	Panduan Haji Mabru	23
4.3	Amalan Ke Arah Haji Mabru	25
4.4	Sebab Mengapa Haji Tidak Mabru	29
4.5	Kesimpulan	39

BAB 5 : PENUTUP 41

RUJUKAN

BAB 1



PENDAHULUAN

Sabda Rasulullah S.A.W.:

“Sesiapa yang datang ke Baitullah untuk menunaikan ibadat haji dan dia tawaf tujuh kali, kemudian datang ke Makam Ibrahim, melakukan solat dua rakaat, kemudian datang ke Telaga Zam-Zam dan meminum airnya, maka Allah S.W.T. membersihkan dosanya seperti pada hari dia dilahirkan”.

(Hadith Riwayat Al-Jauziy)

1.1 PENGENALAN

Ibadat haji merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima. Ia mempunyai nilai-nilai kemuliaan dan keistimewaan yang tersendiri. Haji bermaksud mengunjungi Baitullah Al-Haram (Kaabah) di Mekah Al-Mukarramah bagi mengerjakan ibadat kerana Allah S.W.T. dengan menunaikan rukun-rukun dan syarat-syarat yang tertentu.

Bab ini akan menerangkan mengenai latar belakang dan keperluan penyediaan Manual Pengurusan Kesempurnaan Manasik (MPKM) dalam ibadat haji dan umrah. Secara umumnya, penyediaan MPKM ini merupakan satu pendedahan kepada masyarakat mengenai proses pengurusan dan pelaksanaan sebelum, semasa dan selepas menunaikan ibadah haji dan umrah dalam mencapai ibadah haji mabrur dan umrah yang *maqbulah*. Ianya bertujuan untuk menjelaskan kepada para jemaah dan agensi pengelola haji serta umrah mengenai kepentingan cara yang betul dan tertib dalam pelaksanaan dan pengurusan bagi mencapai kesempurnaan manasik agar dapat menghapuskan masalah dan keraguan yang

mungkin timbul. Manual ini diterbitkan berdasarkan beberapa faktor seperti berikut:

- i. Ibadah haji dilakukan di Tanah Suci Mekah dan bukan seperti amalan biasa. Kesukaran melakukannya adalah disebabkan oleh faktor masa, tempat dan amalan yang tidak pernah dilakukan seperti rukun-rukun Islam yang lain;
- ii. Kesedaran para jemaah untuk membuat persediaan selengkapnyanya bagi pelaksanaan ibadah haji dan umrah di mana mereka menghadapi kesulitan kepadatan manusia di tempat ibadah itu;
- iii. Kesedaran para jemaah untuk memahami perbezaan mazhab agar tidak terikut secara melulu kerana mencari keringanan dari sesuatu mazhab tersebut; dan
- iv. Merancang perjalanan dan pengurusan ibadah haji dan umrah ke arah mendapat kesempurnaan dan kemabruran.

1.2 TUJUAN

MPKM ini bertujuan untuk menggariskan persediaan lengkap kepada umat Islam sebelum, semasa dan selepas melaksanakan ibadah haji dan umrah supaya penghayatan terhadap kesan kemabrurannya dapat dirasakan secara berterusan.

MPKM ini diharap dapat menjadi panduan kepada agensi-agensi pengelola mengenai tata urus yang perlu dilaksanakan sewajarnya secara paling ikhlas dalam usaha mendapatkan kemabruran haji dan umrah jemaah di bawah kelolaannya.

1.3 SKOP

MPKM ini menerangkan secara menyeluruh dan terperinci mengenai setiap perkara yang perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas menunaikan ibadah haji dan umrah. Hal ini adalah bagi mengurangkan kekeliruan dan kesilapan yang mungkin dilakukan oleh jemaah semasa menunaikan ibadah haji dan umrah nanti.

1.4 JUSTIFIKASI PENYEDIAAN MANUAL

Penerbitan MPKM ini amat penting sebagai medium informasi dan bahan rujukan bukan sahaja kepada jemaah haji dan umrah tetapi juga kepada agensi pengelolanya berdasarkan justifikasi-justifikasi berikut:

- i. Kekurangan bahan penerbitan yang menetengahkan perihal kesempurnaan manasik dalam ibadat haji dan umrah secara khusus;
- ii. Wujudnya kekeliruan dalam kalangan jemaah tentang pelaksanaan manasik haji dan umrah yang wajar diperjelaskan kepada mereka;
- iii. Meningkatkan pemahaman jemaah tentang kesan ke atas ibadat haji dan umrah sekiranya tidak melaksanakan ibadat-ibadat ini secara sempurna; dan
- iv. Terdapat agensi pengelola yang tidak menitikberatkan pengurusan kesempurnaan manasik oleh jemaah di bawah kelolaan mereka kerana tiada rujukan yang khusus. Justeru, MPKM ini boleh dijadikan panduan untuk menguruskan manasik haji dan umrah jemaah di bawah kelolaan mereka dengan sempurna.

1.5 KESIMPULAN

MPKM ini diterbitkan untuk memberi manfaat bukan sahaja kepada para jemaah malahan kepada agensi-agensi pengelola haji dan umrah. Selain memfokuskan kepada aspek pemahaman dan penghayatan terhadap pelaksanaan ibadat haji dan umrah dengan tertib dari perkara yang kecil sehingga perkara besar, Manual ini juga mengambilkira perkara-perkara sunat, wajib dan fardhu yang amat perlu dititikberatkan bagi memastikan ibadat yang dilaksanakan adalah selaras dengan kehendak syariat berpandukan Surah Al-Baqarah, Ayat 196 yang bermaksud:

“...dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah”.

MPKM ini diharapkan dapat memberi kefahaman dan panduan kepada para jemaah dan agensi pengelola haji dan umrah dalam merancang persediaan diri dan pelaksanaan pengurusan untuk melaksanakan ibadah haji dan umrah secara lebih teratur dan bersistematik, InsyaAllah.

BAB 2



IBADAH HAJI

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah; maka sekiranya kamu dikepong (dan dihalang daripada menyempurnakannya ketika kamu sudah berihram, maka kamu bolehlah bertahallul serta) sembelihlah Dam yang mudah didapati; dan janganlah kamu mencukur kepala kamu (untuk bertahallul), sebelum binatang Dam itu sampai (dan disembelih) di tempatnya. Maka sesiapa di antara kamu sakit atau terdapat sesuatu yang menyakiti di kepalanya (lalu ia mencukur rambutnya), hendaklah ia membayar fidyah iaitu berpuasa, atau bersedekah, atau menyembelih Dam. Kemudian apabila kamu berada kembali dalam keadaan aman, maka sesiapa yang mahu menikmati kemudahan dengan mengerjakan umrah, (dan terus menikmati kemudahan itu) hingga masa (mengerjakan) ibadat haji, (bolehlah ia melakukannya kemudian wajibah ia) menyembelih Dam yang mudah didapati. Kalau ia tidak dapat (mengadakan Dam), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali (ke tempat masing-masing); semuanya itu sepuluh (hari) cukup sempurna. Hukum ini ialah bagi orang yang tidak tinggal menetap (di sekitar) Masjid Al-Haram (Mekah). Dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan ketahuilah bahawasanya Allah Maha Berat balasan seksaNya (terhadap orang-orang yang melanggar perintahNya)”.

(Surah Al-Baqarah: Ayat 196)

2.1 PENGENALAN

Dari sudut bahasa Arab, perkataan ‘haji’ membawa maksud datang (قَدِمَ) atau menuju ke suatu tempat (قَصَدَ). Dari sudut istilah pula ialah menuju ke tempat-tempat yang khusus (iaitu Baitullah Al-Haram dan padang Arafah) pada waktu yang dikhususkan (iaitu bulan-bulan manasik haji) bagi melaksanakan amalan-amalan khusus seperti wukuf di padang Arafah, tawaf, sai’e dengan pematuhan terhadap syarat-syarat yang tertentu.

2.2 DALIL DAN PENSYARIATAN HAJI

Kefardhuan menunaikan manasik haji adalah berdasarkan nas-nas Al-Quran, Sunnah dan ijma’ para ulama. Firman Allah Ta’ala dalam surah Al-Imran, Ayat 97:

فِيهِءَايَاتٌ بَيِّنَاتٌ مِّمَّا إِبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ ءَامِنًا وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حُجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ (٩٧)

Maafumnya:

“Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim; dan sesiapa yang masuk ke dalamnya, aman tenteramlah dia; dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadaNya; dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk”.

Manakala dalil daripada As-Sunnah pula ialah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari daripada Saidina Abdullah bin Umar:

بني الإسلام على خمس: شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله، وإقام الصلاة، وإيتاء الزكاة، والحج، وصوم رمضان

Bermaksud:

“Islam dibina di atas lima rukun iaitu: Mengucap syahadah (pengakuan) bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah, menunaikan solat, membayar zakat, menunaikan haji dan berpuasa di bulan Ramadhan...”

2.3 SYARAT DAN RUKUN HAJI

Para ulama bersepakat bahawa terdapat lima syarat bagi membolehkan seseorang itu dituntut dengan kewajipan menunaikan manasik haji iaitu:

- i. Islam;
- ii. Aqal;
- iii. Baligh;
- iv. Merdeka; dan
- v. Berkemampuan;
 - Berkemampuan bermaksud:
 - ada kenderaan pergi dan balik;
 - sihat tubuh badan;
 - aman perjalanan;
 - berkesempatan masa (sampai kuota giliran pergi menunaikan haji)
 - ada perbelanjaan yang halal untuk menyara hidup di Tanah Suci dan orang yang ditinggalkan.

2.4 PERMASALAHAN DALAM IBADAH HAJI

2.4.1 Perkara-perkara Fardhu Dan Wajib

Perkara-perkara fardhu dan wajib di dalam manasik haji bermaksud rukun dan syarat yang mesti dilakukan dan ia adalah penentu bagi ibadat haji sama ada sah atau tidak serta penentuan kewajipan membayar Dam apabila meninggalkannya. Semua mazhab bersependapat tentang perkara fardhu dan wajib dalam haji yang mesti dikerjakan, malah batal haji jika meninggalkannya. Fardhu juga dikira sebagai rukun haji.

Perkara-perkara fardhu ibadat haji dalam Mazhab Syafi'e terdiri dari enam perkara iaitu:

- i. Berniat ihram haji;
- ii. Wuquf di Arafah;
- iii. Tawaf Ifadhah;
- iv. Bersai'e di antara Safa dan Marwah;
- v. Bercukur atau bergunting; dan
- vi. Tertib pada kebanyakan rukun.

Antara perkara-perkara wajib di dalam manasik haji pula terdiri daripada:

- i. Berniat ihram di Miqat;
- ii. Menjaga larangan ihram;
- iii. Bermalam di Muzdalifah;
- iv. Bermalam di Mina;
- v. Bercukur atau bergunting rambut dan bercukur adalah afdhal;
- vi. Melontar setiap Jamrah; dan
- vii. Menunaikan Tawaf Wada'
 - Tawaf Wada' adalah perkara wajib bagi mereka yang ingin meninggalkan Tanah Haram lebih daripada 2 marhalah dengan syarat-syarat tertentu.

2.4.2 Perkara-perkara Sunat

Perkara yang disunatkan dalam ibadah haji bermaksud amalan-amalan yang digalakkan mengerjakannya. Orang yang mengerjakannya mendapat ganjaran pahala dan orang yang meninggalkannya tidak akan dibalas seksa. Beberapa perkataan yang mempunyai pengertian yang hampir sama dengan sunat ialah *mandub*, *mustahab* dan *tatawwu'*. Amalan sunat ini penting bagi menambah nilai untuk lebih menuju ke arah kemabruran manasik.

Antara perkara-perkara sunat di dalam ibadah Haji ialah:

- i. Mengandam rambut, janggut, misai, membuang bulu ari-ari dan mengerat kuku;
- ii. Mandi sunat ihram;
- iii. Solat sunat ihram;
- iv. Memilih warna putih sebagai pakaian ihram;
- v. Berniat ihram dalam wuduk;
- vi. Bertalbiah;
- vii. Melakukan Tawaf Qudum bagi jemaah yang mengerjakan Haji Ifrad dan Haji Qiran;
- viii. Berlari-lari anak dan sopan-santun ketika melakukan Tawaf Qudum;
- ix. Bermalam di Mina pada malam Arafah;
- x. Wukuf di Arafah sebahagian siang dan sebahagian malam;

- xi. Solat Jama' Qasar Taqdim (sembahyang Zohor dengan Asar) di Arafah dan Jama' Qasar Taakhir (sembahyang Maghrib dengan Isya') di Muzdalifah;
- xii. Bermabit di Muzdalifah dari setengah malam hingga menunaikan solat Subuh berjemaah, penuh dengan amalan zikir, talbiah serta mengutip tujuh biji batu bagi tujuan melontar;
- xiii. Afdhal melontar Jamrah Kubra pada dhuha 10 Zulhijjah;
- xiv. Sunat bercukur rambut selepas melontar pada 10 Zulhijjah bagi lelaki;
- xv. Menyembelih binatang qurban dan melunaskan Dam pada 10 Zulhijjah (boleh juga menyembelih qurban pada hari-hari Tasyrik yang lain);
- xvi. Sunat melakukan Tawaf Ifadhah pada siang hari 10 Zulhijjah;
- xvii. Sunat bermalam penuh sehingga menjelang subuh pada hari-hari Tasyrik di Mina; dan
- xviii. Memilih Nafar Thani (meninggalkan Mina) sebelum Maghrib pada 13 Zulhijjah.

2.4.3 Jenis-Jenis Haji

Jemaah boleh memilih melakukan ibadat haji mengikut kesesuaian jadual ketibaan mereka di Tanah Haram dan jarak masa tarikh wukuf. Maka mereka boleh memilih melakukan ibadat haji seperti berikut:

- **Haji *Tamattu'*:**

Haji *Tamattu'* ialah mengerjakan umrah pada bulan-bulan haji, kemudian mengerjakan haji pada tahun yang sama, di mana ketika berniat ihram, jemaah haji berniat umrah dahulu lalu melakukan semua amalan umrah dengan tahallul dan berniat ihram haji pula pada 8 atau 9 Zulhijjah sebelum berangkat ke Arafah. Jemaah haji terus berada dalam keadaan bebas dari ihram, sehinggalah sampai pada hari *Tarwiah* iaitu pada 8 Zulhijjah di mana mereka akan berniat Ihram Haji di Tanah Haram sebelum berangkat ke Arafah. Seterusnya mereka mengerjakan kesemua amalan haji, cuma perlu membayar Dam kerana menikmati kemudahan semasa mengerjakan umrah pada bulan-bulan haji.

- **Haji Ifrad:**

Haji *Ifrad* ialah berniat menunaikan haji terlebih dahulu dalam bulan-bulan haji dan melakukan seluruh amalan haji sehingga selesai (Tahallul Thani) kemudian menunaikan umrah dalam musim yang sama. Atau menunaikan haji sahaja dan pulang tanpa ibadah umrah (tidak afdhal). Lazimnya jemaah yang sesuai memilih Haji *Ifrad* ialah mereka yang memasuki Mekah hampir hari Wukuf kerana tidak lama berada dalam ihram. Lagipun pelaksanaan Haji *Ifrad* tidak dikenakan Dam sekiranya mereka tidak melanggar mana-mana wajib haji dan larangan ihram.

- **Haji Qiran:**

Haji *Qiran* ialah menghimpunkan serentak haji dan umrah dalam satu niat ketika di Miqat seperti:

“Aku berniat menunaikan haji dan umrah dan berihram dengan kedua-duanya kerana Allah Taala”.

Apabila tiba di Mekah, jemaah Haji *Ifrad* melakukan Tawaf Qudum sehingga selesai dan (jika mahu, mereka boleh melakukan Sa’ie Haji (rukun) di antara Safa dan Marwah tetapi tidak bergantung dan kekal dalam ihram sehingga melontar Jamrah Kubra lalu bertahallul dengan bergantung atau bercukur).

Ini bererti sesudah Tawaf *Qudum* dan Sa’ie Haji, jemaah berada di dalam ihram sehingga berangkat ke Arafah dengan tidak perlu berniat haji lagi. Setelah Wukuf, bermalam di Muzdalifah, melontar di Jamratul Kubra dan bergantung (Tahallul Awal), jemaah berpeluang memilih untuk menyempurnakan Tawaf *Ifadhah* pada hari-hari *Tasyrik* atau menyempurnakannya selepas pulang dari Mina. Namun yang afdhalnya ialah melakukan tawaf haji ini semasa siang hari-hari *Tasyrik*.

Jemaah Haji *Qiran* yang telah Sai’e selepas Tawaf *Qudum* (sebelum Wukuf) tidak perlu lagi melakukan Sai’e Haji. Selepas Tawaf Rukun itu, mereka telah bertahallul Thani (tidak ada apa-apa larangan lagi) dan tidak perlu melakukan umrah selepas selesai amalan-amalan haji kerana ia berlaku serentak di antara haji dan umrah dengan satu niat. Lazimnya mereka yang memilih Haji *Qiran* terdiri daripada

jemaah yang kesuntukan masa atau menghadapi keuzuran ketika di Tanah Suci sedangkan dia dalam ihram umrah dan tidak sempat melakukannya.

2.5 KESIMPULAN

Mabrur ini adalah penilaian dari Allah S.W.T. dan kurniaanNya. Namun kita sebagai hamba Allah S.W.T. wajib mempelajari kaedah melakukan ibadat yang dikehendaki oleh syarak kerana para ulama ada menyebut:

“Seseorang yang melakukan amalan tanpa ilmu, amalannya mungkin ditolak dan tidak diterima”.

Daripada Abu Hurairah menyebut bahawa Rasulullah S.A.W. pernah bersabda:

“Sepaling baik amalan ialah beriman kepada Allah dan RasulNya, kemudian jihad fisabilillah, kemudian melakukan ibadat haji hingga sempurna”.

Sebagaimana rukun-rukun Islam yang lain, adalah jelas bahawa manasik haji mempunyai rukun dan syarat, keperibadian yang perlu dilaksanakan dan peraturan-peraturan syarak yang perlu dipatuhi dengan berbekalkan ketakwaan sehingga merasakan Allah S.W.T. bersama-samanya dalam setiap pergerakan amalannya dengan penuh yakin agar ibadat itu mempunyai roh yang mencapai kesempurnaannya.

Insyallah, inilah yang digambarkan sebagai mabrur.

BAB 3



PENGERTIAN HAJI MABRUR

Dari 'Aisyah R.A. katanya:

"Aku bertanya kepada Rasulullah S.A.W.: "Ya Rasulullah, menurut anda jihad itu adalah amal yang paling utama. Kalau begitu tidakkah kami akan berjihad." Sabda Rasulullah S.A.W.: "Bagi kamu semua ada jihad yang lebih utama iaitu haji yang mabrur."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

3.1 PENGENALAN

Jemaah haji dan umrah yang berjaya 'membawa' pulang bersamanya kemabruran manasik semestinya mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah S.W.T. dan diampunkan dosa. Ini berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

"Kesalahan yang berlaku di antara umrah itu diampunkan, manakala haji mabrur pula tidak ada balasan baginya melainkan syurga".

(Riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

Dari segi bahasa, mabrur mempunyai dua makna. Pertama, bererti baik, suci dan bersih. Kedua, bererti diterima dan mendapat keredhaan Allah S.W.T. Haji mabrur adalah haji yang membawa kebaikan kepada orang yang melakukannya. Menurut pendapat sebilangan ulama, haji mabrur tidak sesekali bercampur dengan perbuatan dosa sama ada kecil mahupun besar. Mereka sentiasa kuat imannya serta semakin meningkat amal ibadatnya dengan

penuh takwa. Tetapi hakikatnya, bukan mudah untuk melayakkan mereka menerima ganjaran tersebut kerana ia menuntut keikhlasan dan jihad sepanjang pelaksanaan manasik tersebut.

Ketika melaksanakan ibadat haji, jemaah pasti diuji dengan hebat oleh syaitan dan iblis yang tidak berhenti menghasut serta menggoda hati manusia supaya lekas jemu dan tidak bersungguh-sungguh dalam melakukan setiap perkara kebaikan dalam manasik. Contohnya gemar bertengkar. Walau apa cara sekalipun, kita perlu menghadapi segala bentuk gangguan nafsu itu dengan memperbanyakkan amalan kebaikan yang disertai dengan niat suci dan ikhlas.

Akhirnya, kita berjaya menghalang kesemua godaan itu dengan tenang. Sesuai pula dengan laungan talbiah iaitu:

لبيك اللهم لبيك

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu Ya Allah

لبيك لا شريك لبيك

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, tidak ada sekutu bagi-Mu,

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu

ان الحمد

Sesungguhnya segala pujian

والنعمّة

Dan nikmat

لك والمك

Dan pemerintahan adalah kepunyaan-Mu

لا شريك لك

Tidak ada sekutu bagi-Mu

Laungan talbiah ini menandakan setiap jemaah berasa diri mereka bertuah kerana menjadi sebahagian daripada jutaan umat yang terpilih menjadi tetamu pilihan Allah S.W.T. Dalam menentukan sama ada haji itu mabrur atau tidak, hanya Allah S.W.T. yang lebih mengetahui. Tetapi ia sebenarnya dapat dirasakan sendiri selepas kehidupan mula berubah menjadi lebih baik berbanding sebelum menunaikan haji.

3.2 PENGERTIAN HAJI MABRUR

Perkataan ‘mabrur’ dari segi pengertian bahasanya ialah perbuatan yang tidak ada syubhat atau keraguan padanya.

Makna haji mabrur pada istilah ialah haji yang diterima dan diberi ganjaran serta balasan yang luar biasa iaitu syurga, manakala lawannya ialah Haji *Mardud* iaitu haji yang ditolak dan tidak diterima.

Haji dan umrah merupakan manasik yang mesti dilaksanakan bagi mereka yang cukup syarat-syaratnya. Kefardhuan ini adalah merupakan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan dengan segera tanpa berdolak dalik dan berlengah-lengah kerana kita adalah milik Allah S.W.T., harta, kemampuan dan kesihatan juga milik Allah S.W.T. Oleh kerana itu, melaksanakan manasik dengan sempurna merupakan manifestasi kesyukuran seseorang hamba ke atas nikmat-nikmat tersebut. Ia adalah cita-cita yang mesti ditanamkan dalam jiwa setiap jemaah, berbekalkan doa dan pengetahuan cara pelaksanaan haji dengan sempurna barulah kita bertawakal kepada Allah S.W.T. untuk memperolehi haji yang mabrur.

Dari hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A. bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

“Daripada Aishah R.A., berkata ia kepada Rasulullah S.A.W.; bahawa kami percaya bahawa berjihad itu adalah amalan yang paling utama. Mengapa kami tidak berjihad? Maka sabda Rasulullah S.A.W. bagi kamu sebaik-baik jihad adalah haji yang mabrur”.

Daripada hadis di atas dapat disimpulkan bahawa haji adalah jihad dan berusaha untuk mendapat haji yang mabrur adalah satu tanggungjawab yang besar kerana untuk kurniaan haji mabrur hanya Allah S.W.T. sahaja yang tahu haji itu mabrur atau tidak. Sekiranya jemaah melaksanakannya dengan cara yang betul seperti kelakuan Rasulullah S.A.W. dalam melaksanakan haji akan menunjukkan ke arah mabrur. Haji yang mabrur memperoleh balasan yang besar iaitu syurga.

Alangkah bertuahnya mereka yang memperolehi haji yang mabrur kerana ia bukanlah satu perkara yang mudah dan tidak juga susah kerana ia adalah kurniaan Ilahi kepada sesiapa yang dikehendakiNya dan milik mereka yang berusaha serta berjaya mengatasi segala dugaan atau cabaran.

Dalam hal yang demikian, tiga faktor utama yang perlu diberi penekanan oleh para jemaah sekiranya ingin memperoleh haji mabrur, iaitu:

- i. Menyucikan diri dari segala sifat *mazmumah* antaranya perasaan hasad dengki, fasad, sifat marah, suka bertengkar, suka berlebih-lebihan, membazir, riak dan lain-lain; sebaliknya mengamalkan sifat-sifat *mahmudah* sepenuhnya seperti amalan penyucian jiwa melalui akidah yang sihat dan kukuh, ilmu ibadat haji yang mantap, sentiasa bertaubat dan beristighfar;
- ii. Mendapatkan ilmu serta bimbingan dari guru yang *muktabar* dengan mempelajari cara melaksanakan umrah dan haji dengan sempurna sebagaimana yang telah diajar oleh Rasulullah S.A.W.;
- iii. Berdoa agar amalan dimakbulkan oleh Allah S.W.T.; dan
- iv. Memperbanyakkan bacaan Al-Quran setiap ketika semasa di Tanah Suci Mekah.

Oleh itu, marilah kita berusaha sedaya upaya termampu kerana ia dikira ibadah. Adapun natijah kemabruran manasik kita, Dialah Yang Maha Adil Penentu Segalanya.

Para ulama menegaskan mengenai pengertian haji yang mabrur ini, ia mencakupi:

- i. Haji yang tidak dinodai dengan perbuatan dosa sedikit pun;
- ii. Keadaan seseorang berubah menjadi lebih baik dari sebelumnya;
- iii. Dikatakan bahawa seseorang kembali dari ibadat haji dalam keadaan *zuhud* terhadap dunia dan sangat mencintai akhirat;
- iv. Ibadat haji yang tidak disertai dengan sifat riya', *sum'ah*, *ujub*, keji serta kemaksiatan; dan
- v. Tandanya hati seseorang sentiasa mengingat Allah S.W.T., suka kepada semua urusan agama, mengekalkan silaturrahim, suka bersedekah, memberi makan, pertuturan baik sesama insan dan penyebaran salam.

3.3 PERSEPSI TERHADAP HAJI MABRUR

Perkara yang boleh dicontohi ialah bagaimana jemaah haji dahulu (datuk nenek) menjadikan pemergian mereka ke Tanah Suci Mekah sebagai puncak kehidupan mereka. Mereka menjadikan peluang mengerjakan ibadat haji dengan penuh kesungguhan akhirnya pulang ke Tanah Air dengan membawa perubahan diri yang besar kerana pada ketika itu, kemungkinan pergi menunaikan haji adalah hanya sekali seumur hidup kepada mereka.

Dengan itu, jemaah haji perlu menjadikan tujuan mereka ke Tanah Suci Mekah sebagai perjalanan rohani bagi mendapatkan nikmat kemuncak iaitu haji mabrur. Individu yang pulang mengerjakan haji tanpa sebarang perubahan ke atas dirinya bermakna dia bukan seorang 'Tuan Haji atau Puan Hajjah' sebenarnya.

Sebaliknya sebahagian besar jemaah haji sekarang menganggap pemergian menunaikan manasik bukan sebagai tujuan utama untuk pengabdian kepada Allah S.W.T. tetapi sebagai memenuhi tuntutan kefardhuan tanpa penghayatan dan bekalan ilmu yang mencukupi. Lebih-lebih lagi, kehadiran ke Tanah Suci Mekah dianggap satu trend masyarakat elit sekarang tanpa mengkaji falsafah kefardhuan manasik tersebut dengan teliti. Sepatutnya pemergian mereka ke Tanah Suci Mekah dapat membawa perubahan diri dan keluarga kepada yang lebih baik.

Sebagai contoh, mengerjakan solat di masjid secara berjemaah perlu dilaksanakan secara berterusan (istiqamah). Jika sebelum ini lebih gemar mengerjakan solat secara bersendirian, pertingkatkan langkah dengan menjaga waktu sembahyang dan meluangkan masa menunaikan solat berjemaah. Pengisian dengan solat sunat juga salah satu amalan yang patut dilakukan berterusan. Jika sebelum ini liat mengerjakan solat seperti hajat, taubat, tasbih, dhuha serta tahajjud, jadi sebagai usaha penambahbaikan, solat-solat sunat ini dapat menampung kekurangan ibadat wajib yang dilakukan oleh seseorang.

Amalan membaca Al-Quran perlu dimasukkan dalam jadual seharian. Setidak-tidaknya, membaca beberapa potong ayat Al-Quran dan jika masih terdapat kekurangan dalam pembacaan, disarankan mencari guru supaya bacaan bertambah baik. Perlu diingat bahawa Al-Quran adalah kalimah Allah yang mesti berada dalam hati setiap masa.

Menghadiri majlis ilmu boleh mendekatkan diri dengan Allah S.W.T., malah lebih baik jika ilmu yang dipelajari itu dimanfaatkan kepada orang lain. Antara cara lain, mendengar program bual bicara agama di televisyen atau radio yang mampu meningkatkan kesempurnaan dan kefahaman dalam beribadat dan mengurangkan menonton acara hiburan yang boleh melalaikan.

Haji mabrur juga memberi pengertian dalam peningkatan prestasi kerja seseorang di mana ia amat bersyukur dengan pekerjaan yang dimiliki. Penghayatan manasik membantu mencapai matlamat organisasi. Contohnya, seperti melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan penuh dedikasi dan beretika serta menjauhi amalan rasuah. Selain itu, ia mampu membantu diri ke arah pembentukan sahsiah Muslim yang unggul, ampuh dan sejati. Akhirnya, pihak pengurusan akan menilai keberhasilan kerja dan keikhlasan yang ditunjukkan.

Dari segi pertuturan pula, haji mabrur memperlihatkan perubahan jelas dalam percakapan, tingkah laku, pergaulan serta cara berpakaian. Tutur kata mencerminkan sifat sebenar diri seseorang. Semakin kotor dan biadab kata-kata, maka semakin tidak bermutu diri kita. Rasulullah S.A.W. seorang yang paling benar bicaranya, biarpun sedikit kata-katanya, ia cukup berhikmah dan bernilai. Seorang haji mabrur sangat memilih kata-kata yang bakal diucapkan. Tidak sewenang-wenangnya dia melemparkan kata-kata kesat, memperlekehkan individu lain serta berasa bongkak dengan kehidupan yang dimilikinya.

- **Persepsi Dari Segi Material**

Allah S.W.T. menjanjikan tidak akan menjadi fakir kepada mereka yang menunaikan haji. Malah sekembalinya mereka dari Tanah Suci Mekah, akan bertambah rezeki serta makin tenang hatinya.

Dari Abdullah bin Mas'ud, katanya Rasulullah S.A.W. telah bersabda:

"Hendaklah kamu iringi pelaksanaan haji dengan umrah kerana keduanya menghilangkan kemiskinan dan dosa sebagaimana relau api melenyapkan kotoran besi emas dan perak, dan tiadalah haji yang mabrur melainkan ganjarannya adalah syurga".

(Hadith riwayat Imam Ahmad, Imam Tarmizi dan Abu Daud)

Jadi, amalan manasik yang sempurna melahirkan individu yang sedia berkorban dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap diri, keluarga, agama dan ummah. Sebahagian tanggungjawab itu melahirkan diri yang sentiasa berinfaq, berzakat, berwakaf, penyayang, berjiwa pemurah, prihatin terhadap golongan yang memerlukan pertolongan dan lain-lain sifat terpuji.

3.4 MENGAPA HAJI TIDAK MABRUR

Haji Mabrur atau tidak hanya Allah S.W.T. saja yang mengetahui. Walau bagaimanapun, ada tanda-tanda haji yang mabrur dan ada juga tanda-tanda haji tidak mabrur.

Niat tidak kerana Allah S.W.T.

Niat atau nawaitu memainkan peranan penting untuk kesempurnaan setiap ibadah khususnya dalam kesempurnaan manasik. Jika mereka pergi dengan niat selain daripada kerana Allah S.W.T. sudah tentu hajinya tertolak. Mereka pergi untuk mengambil gelaran haji maka nama haji saja yang tertera pada namanya, yang berubah namanya ditambah haji tetapi amalan buruknya masih sama atau lebih teruk daripada sebelum menunaikan fardhu haji. Umpamanya, selepas balik haji, merompak harta orang; sebelum haji tidak ambil rasuah, selepas haji ambil rasuah. Ini adalah merupakan ciri-ciri haji yang ditolak.

3.5 KESIMPULAN

Saban tahun ramai jemaah haji menunaikan fardhu haji bagi melaksanakan tuntutan rukun Islam kelima iaitu menunaikan ibadat haji (dan umrah) di Tanah Suci Mekah. Mereka telah mengorbankan pelbagai perkara antaranya harta, wang ringgit, masa, ilmu untuk belajar, dan lain-lain lagi. Namun terdapat segelintir daripada mereka gagal memanfaatkan hasil daripada amalan-amalan haji untuk dijadikan iktibar dan contoh dalam amalan kehidupannya.

Umpamanya, penghayatan solat berjemaah tidak dapat diamalkan, amalan berkorban harta untuk badan kebajikan tidak dapat diambil dari amalan haji untuk dijadikan amalan harian secara berterusan selepas balik haji. Malah mereka terdorong kembali kepada era kehidupan pra haji mereka yang bergelumbang dengan unsur-unsur kefasikan dan kemunafikan yang sepatutnya sudah dilunaskan oleh syariat dan semangat haji itu. Oleh itu, kita sangat dituntut untuk sentiasa berdoa supaya mendapat haji yang mabrur.

BAB 4



PANDUAN KE ARAH HAJI MABRUR

Dari Abu Hurairah R.A. katanya:

“Rasulullah S.A.W. ditanya orang mengenai amal yang paling utama, jawabnya: “Beriman kepada Allah dan RasulNya”. Tanya orang itu lagi: “Kemudian apa?” Jawabnya: “Kemudian Jihad; berjuang di jalan Allah”. Ditanya pula lagi: “Setelah itu apa?” Jawabnya: “Setelah itu haji yang mabrur”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

4.1 PENGENALAN

Sebagai Khalifah di muka bumi ini, kita perlu bersyukur kerana diciptakan oleh Allah S.W.T. Sebagai insan beragama Islam, maka yang berpegang teguh dengan agamaNya tentulah mendasarkan hidup yang sejahtera di dunia dan di akhirat. Justeru, kita berusaha melaksanakan seluruh rukun yang difardhukan dengan sempurna mungkin.

Semasa melakukan segala rukun termasuk mengucap syahadah, solat, puasa, berzakat dan menunaikan haji semuanya mengharapkan amalan mereka diterima dan diberi ganjaran pahala dan dihapuskan dosa. Selain dari ibadat haji, jika berlaku kesilapan dalam amalan boleh diulang atau diqadha semula, tapi berlainan dengan ibadat haji. Ianya amat sukar untuk diulang kerana melibatkan tempat, masa, perbelanjaan dan peraturan giliran untuk pergi.

Maka para jemaah hendaklah berusaha memastikan dengan penuh jihad, takwa dan tanggungjawab bahawa apabila menunaikan haji pasti dengan amalan yang betul, sahih, sah dan mengharapkan mabrur.

فَإِذَا قَضَيْتُمْ مَنَاسِكَكُمْ فَادْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ آبَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا فَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ (٢٠٠)

Mafhumnya:

“Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan amalan ibadat Haji kamu, maka hendaklah kamu menyebut-nyebut dan mengingat Allah (dengan membesarkan-Nya) sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut (memuji-muji) datuk nenek kamu, bahkan dengan sebutan yang lebih lagi. Dalam pada itu, ada di antara manusia yang (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami! Berilah kami kebaikan di dunia. (Orang-orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedikitpun kebaikan di akhirat”.

(Surah Al-Baqarah: Ayat 200)

Walaupun soal menentukan haji mabrur itu adalah ketentuan mutlak Allah S.W.T., namun ianya berkait dengan usaha, ikhtiar dan pengetahuan yang tinggi oleh para jemaah dan bimbingan haji daripada para ulama. Ini kerana jaminan Baginda Rasulullah S.A.W. melalui sebuah hadith yang bersabda dengan maksudnya:

“Di antara umrah dengan umrah penghapus dosa dan tidak ada balasan haji mabrur melainkan syurga”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Ini bererti matlamat utama pelaksanaan ibadah haji ialah hendak mendapat haji mabrur yang pasti dosa diampun dan mendapat ganjaran syurga dari Allah S.W.T. Haji merupakan ibadah fardhu yang diwajibkan, tetapi kewajipan haji agak berlainan dengan ibadah-ibadah yang lain dari segi konsep dan kefarduannya. Ibadah haji hanya diwajibkan ke atas umat Islam yang berkemampuan mengunjungi Baitullahil Haram di Mekah. Manakala bagi orang-orang yang tidak berkemampuan dari segi perbelanjaan atau kesihatan tubuh badan atau keselamatan perjalanan, maka ianya tidak diwajibkan.

Firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Imran, Ayat 97 yang bermaksud

:

“.....dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu siapa yang mampu sampai kepadaNya...”

4.2 PANDUAN HAJI MABRUR

Haji yang mabrur pastinya penuh dengan dugaan, cabaran, serta kesulitan. Ia juga memerlukan perubahan sikap dan azam yang kuat untuk melawan satu cabaran yang besar seperti tuntutan hawa nafsu dan godaan syaitan. Oleh itu, haji mabrur tidak datang dengan bergolek dan tidak akan tercapai dengan impian sahaja tanpa usaha yang sepenuh jiwa raga dan istiqamah dalam amalannya setelah selesai. Bagi merealisasikan hasrat ini, beberapa panduan amalan berikut perlulah dihayati.

a. Amalan Sebelum Menunaikan Haji:

- i. Akidah yang sahih (yang benar) berpandukan ahli Sunnah-Wal Jamaah;
- ii. Niat ikhlas kerana Allah S.W.T.;
Sabda Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Umar bin Al Khattab yang bermaksud:

“Sesungguhnya segala perbuatan itu bergantung kepada niat, dan sesungguhnya bagi setiap orang itu apa yang ia niatkan”.

- iii. Berbekalkan takwa secara bertaubat dengan bersungguh-sungguh;
- iv. Persediaan rohani, jasmani dan mental yang mantap;
- v. Wang perbelanjaan dari harta yang halal;
Wang yang digunakan untuk tujuan keperluan bagi menunaikan ibadah haji hendaklah dari wang yang halal. Jangan sesekali dicampuradukkan dengan sesuatu yang haram atau yang syubhat. Setiap yang syubhat itu adalah haram; dan
- vi. Lakukan dengan susah payah dengan mengharapkan ihsan Allah S.W.T. iaitu berjihad menghadapi kesukaran dan berdoa untuk mendapat kejayaan.

b. Amalan Semasa Menunaikan Ibadat Haji:

- i. Menyempurnakan segala rukun dan wajib haji serta sunat-sunatnya;
- ii. Melakukan amal ibadat dengan sempurna dengan menjauhi perbuatan khurafat, bida'ah dan syirik;
- iii. Membayar segala jenis dam yang berkaitan;
- iv. Tidak melakukan perkara yang dilarang dalam masa ihram; dan
- v. Bertoleransi sesama insan sepanjang berada di Tanah Suci Mekah.
Firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 197 bermaksud:

“(Masa untuk mengerjakan) ibadah haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum, oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadah haji itu, maka tidak boleh mencampuri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan haji,...”.

c. Amalan Selepas Menunaikan Haji:

- i. Menjauhkan diri dari dosa dan perkara yang mungkar;
- ii. Memperbanyakkan amal soleh untuk meningkatkan iman dan takwa;
- iii. Mengekalkan dan meningkatkan sifat-sifat murni dalam pergaulan serta kemasyarakatan dan menghindarkan diri dari segala bentuk permusuhan; dan
- iv. Memperbaiki diri ke arah yang lebih baik, sempurna dari segi akhlak serta kelakuan secara berterusan dan sentiasa memberi kemaafan sesama manusia.

Dengan terlaksananya segala apa yang dinyatakan seperti di atas, maka besar kemungkinan seseorang itu akan mencapai tahap haji mabrur yang diidamkan oleh setiap pengunjung Baitullahil Haram.

4.3 AMALAN KE ARAH HAJI MABRUR

a. Sebelum Berangkat

- i. Hendaklah mempelajari falsafah haji dan rukun-rukunnya, wajib serta sunat-sunat bagimelengkapkan segala kewajipan yang mesti dilakukan olehnya sebagai hamba Allah S.W.T. yang mengunjungi rumahNya;
- ii. Berguru kepada mereka yang cukup berilmu tentang ibadat haji serta berpengalaman. Jangan mendapatkan buah fikiran hanya dari beberapa orang sahaja kerana dikhuatiri mereka mendapat maklumat dari punca yang salah atau berlainan. Rujukan yang lebih tepat ialah Bahagian Bimbingan, Lembaga Tabung Haji kerana semua keputusan telah diperakui oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji Tabung Haji dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);
- iii. Tidak perlu diheboh-hebohkan pemergian haji nanti ditakuti riak atau takbur, walau bagaimanapun boleh bercerita kepada jiran sebelum berangkat bagi tujuan pesanan atau wasiat;
- iv. Gunakanlah sumber perbelanjaan dari harta yang halal dan sudah dizakatkan (jika diwajibkan);
- v. Sebelum bertolak hendaklah memberitahu ibu bapa (jika masih ada) serta jiran dan memohon maaf kepada semua rakan taulan serta keluarga khususnya yang pernah bersengketa;
- vi. Berwasiat kepada keluarga yang ditinggalkan; dan
- vii. Persediaan fizikal seperti bersenam, berjoging dan juga pemakanan yang berkhasiat serta multivitamin yang terbaik supaya kesihatan fizikal yang sempurna selaras dengan ibadah haji yang bersifat fizikal.

b. Semasa Menunaikan Haji

- i. Melaksanakan keseluruhan rukun-rukun dan wajib haji dengan tertib serta tidak mengambil jalan mudah. Memperbanyakkan amalan sunat;
- ii. Para jemaah sentiasa berdoa dan bertaubat di Baitullah dengan memohon ampun, membaca dan mengamalkan Al-Quran, mengekalkan berjemaah di dalam Masjidil Haram (bukan bersolat di hotel atau rumah penginapan);
- iii. Sentiasa ingatkan mati sama ada ketika berada dalam ihram kerana ketika itu pakaian ihram adalah sama dengan pakaian kain kafan mayat;
- iv. Tunaikan Dam jika terlanggar yang wajib atau perkara-perkara yang mesti dilaksanakan dengan Dam;
- v. Bersedia membantu sahabat atau rakan yang susah dan elakkan dari mementingkan diri sendiri;
- vi. Menunaikan solat jenazah yang biasanya mengiringi setiap solat fardhu di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi;
- vii. Tidak mengutip barang-barang jumpaan sewaktu di Tanah Suci;
- viii. Memperbanyakkan amalan-amalan sunat seperti umrah sunat, tawaf sunat, solat sunat dhuha, solat sunat tasbih, bersedekah, membaca Al-Quran, beriktikaf, berzikir dan lain-lain ibadat;
- ix. Mengutamakan amalan-amalan yang paling afdhal seperti bermalam sepenuh Malam pada hari Tasyrik di Mina (khilafus sunnah – kebiasaan amalan Rasulullah S.A.W.);
- x. Melakukan korban di Tanah Suci bagi yang berupaya; dan

Maksud hadis Rasulullah S.A.W.: *“Sepaling afdhal haji itu ialah bertalbiah sebanyak-banyaknya diikuti dengan menyembelih korban”*.

- xi. Mengelakkan dari membunuh binatang kecuali yang memudaratkan dan tidak membinasakan tumbuh-tumbuhan di Tanah Haram.

c. Setelah kembali ke Tanah Air

Terdapat banyak tanda bagi golongan yang mendapat haji mabrur. Antaranya ialah amalan serta pengetahuan agamanya semakin meningkat hasil daripada usaha berterusan untuk menambah pengetahuan agama.

Tanda-tanda haji mabrur seseorang ialah setelah pulang dari menunaikan haji, mereka akan sentiasa melaksanakan solat berjemaah kerana telah cukup terlatih semasa di Mekah dan Madinah.

Mereka akan sentiasa memakmurkan masjid dan mula berubah sikap ke arah yang diredhai Allah S.W.T. termasuk corak pakaian dan tingkah laku yang sempurna dan hubungan baik dengan masyarakat.

Corak kehidupan seharian mereka berubah sesuai dengan kedewasaan yang menjurus kepada aturan syariah Allah S.W.T. Persekitaran yang menampakkan lambang kemungkaran segera dijaui dan amat membencinya.

Apabila didapati seseorang jemaah yang telah menunaikan fardhu haji tetapi masih mengamalkan unsur-unsur kemungkaran dan tidak endahkan seruan Islam maka dia dianggap tidak mencapai mabrur dalam ibadah hajinya.

d. Selepas Menunaikan Haji

Orang yang telah menunaikan haji dianggap telah membersihkan dirinya dari segala dosa dan kesalahan. Setelah menunaikan ibadah haji, khasnya setelah kembali ke tanah air, maka beberapa perkara perlu dihayati:

- i. Mengekalkan diri sentiasa dalam keadaan bersih dari sebarang noda dan dosa dengan menjauhkan perkara-perkara mungkar yang dilarang;
- ii. Memperbanyakkan amal soleh untuk meningkatkan keimanan dan ketaqwaan sesuai dengan sifat-sifat mahmudah;

- iii. Memperbaiki diri ke arah yang lebih sempurna dari segi akhlak, kelakuan dan cara berpakaian;
- iv. Menjauhi segala perkara yang *lagha* (lalai mengingati Allah);
- v. Tidak berkompromi dengan hukum Allah S.W.T. seperti menghalalkan perkara yang haram atau sebaliknya; dan
- vi. Menghayati falsafah haji berterusan untuk dijadikan panduan dan pedoman hidup Muslim yang sejati.

Dengan terlaksananya segala apa yang dinyatakan di atas, maka besar kemungkinan seseorang itu akan mencapai ke tahap haji mabrur yang diidamkan oleh setiap pengunjung Baitullahil Haram.

SUKARNYA MENDAPAT HAJI MABRUR

Kemabruran haji seseorang bergantung kepada ketaqwaannya. Di dalam Al-Quran terdapat ayat mengenai Haji yang bermaksud:

“....Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah) dan bertakwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikirkan dan memahaminya)”.

(Surah Al-Baqarah: Ayat 197)

Ini memberi pengertian bahawa asas ibadat adalah taqwa, keadaan seseorang yang bertaqwa hendaklah kaya dengan sifat kepatuhan kepada pelaksanaan semua hukum di samping mempercayai balasan dan akibat perlakuan buruk atau baik itu di akhirat, di samping mengamalkan akhlak dan nilai diri yang murni.

Sekiranya hukum-hukum Islam dilanggar mereka akan menerima balasan sama ada di dunia ataupun di akhirat secara sedar atau tidak sedar di atas perbuatan mereka sendiri.

Memang dalam dunia ini pelanggaran kepada hukum-hukum Allah S.W.T. merupakan sesuatu yang dibanggakan oleh orang yang bergelumang dengan kemungkaran. Jadi, jika ada orang

yang sudah menunaikan haji masih ghairah melakukan kerja-kerja mungkar tersebut boleh dianggap sebagai tidak mencapai tahap kemabruran haji sebenar.

Maka konsep untuk mendapatkan taraf Haji Mabrur yang paling mudah ialah:

- i. Tunaikan haji dengan sempurna mengikut garis panduan syarak;
- ii. Lakukan dengan bersungguh-sungguh diiringi memohon keampunan dan bertaubat kepada Allah; dan
- iii. Perkuatkan diri melawan dugaan syaitan di Tanah Suci Mekah kerana ia lebih besar dan mencabar.

4.4 SEBAB MENGAPA HAJI TIDAK MABRUR

SEBAB 1: Jemaah kurang mendalami ilmu ibadat haji dan tidak tepat melaksanakannya. Sering tersilap atau terkeliru. Dengan itu terikut-ikut dengan cara orang lain beribadat yang kadang-kadang melanggar syarat sahnya. Oleh itu, atasilah dengan:

- i. Mempelajari dari guru yang muktabar dalam bidang haji yang mengikut Muzakarah Ibadat Haji;
- ii. Banyak membaca buku bimbingan haji dan kisah tauladan dalam ibadat haji;
- iii. Menonton video/CD haji atau dokumentari yang memberikan gambaran lokasi di Tanah Suci Mekah; dan
- iv. Banyak bertanya kepada orang yang berpengalaman dalam ibadat haji.

SEBAB 2: Menderhaka atau mengabaikan kedua-dua ibu bapa.

- i. Sering berlaku anak-anak yang mengiringi ibu bapa yang uzur ke Tanah Suci Mekah, kemudian mengabaikan mereka. Ibu bapa tersebut merasa amat kecewa; dan
- ii. Ada juga anak yang tidak bertegur sapa dengan ibu bapa kerana berkelahi, kemudian pergi ke Mekah tanpa restu mereka.

Oleh itu, segeralah memohon maaf dan sentiasa mengamalkan ihsan dengan ibu bapa.

SEBAB 3: Mengabaikan ibadat pada masa lalu. Tujuan ke Tanah Suci Mekah hanyalah untuk mendapat gelaran ‘Haji’ dan ‘Hajjah’. Di Mekah, kurang melakukan amalan kerana sudah terbiasa meringan-ringankan hukum.

Perbetulkan sikap dengan:

- i. Hendaklah mempunyai daya kekuatan untuk bertaubat bersungguh-sungguh (taubat nasuha) dan amat menyesali perbuatan yang lalu; dan
- ii. Banyak berdoa dan insaf sepanjang berada di Mekah dan Madinah kerana di sinilah tempat paling mustajab berdoa.

SEBAB 4: Menggunakan wang perbelanjaan dari sumber yang tidak jelas halal dan haramnya (syubhah) atau tidak menjelaskan zakat terlebih dahulu. Berhutang atau memaksa anak untuk membiayai pemergian Haji.

- i. Syarat haji mabrur hendaklah menggunakan perbelanjaan dari sumber yang paling bersih dan halal, dan tidak memaksa untuk mendapatkan sumber bekalan dari orang lain walaupun anak sendiri. Tetapi jika diberi dengan ikhlas wajib diterima; dan
- ii. Hendaklah terlebih dahulu mengutamakan zakat dari menunaikan haji kerana zakat diperintahkan selepas solat.

SEBAB 5: Masih mengamalkan perkara-perkara khurafat dan kepercayaan karut-marut yang dianggap sebagai sebahagian dari kepercayaan agama seperti masih mempercayai bomoh syirik (*kahin*-menggunakan jin) atau mengamalkan kepercayaan yang tidak diasaskan oleh Islam. Tidak akan mendapat haji atau umrah yang mabrur bagi seseorang itu selagi ia mengamalkan perkara-perkara syirik. Contoh perkara khurafat seperti memeluk tiang jin di Masjidil Haram atau mencuri tali khemah Arafah untuk dijadikan pelaris jualan. Perkara ini amat bertentangan dengan syarak yang mesti dijauhi.

SEBAB 6: Kurang mengamalkan sunnah Rasulullah S.A.W. ketika menunaikan ibadat haji.

- i. Jemaah perlu mengetahui amalan-amalan sunnah semasa melaksanakan ibadat haji dan umrah dan amalan-amalan lain semasa berada di Tanah Suci; dan
- ii. Melaksanakan korban adalah salah satu daripada sunnah Rasulullah S.A.W. dalam ibadat haji.

SEBAB 7: Tidak bertimbang rasa sesama jemaah haji seperti berat tulang, sangat berkira dan tidak membantu jemaah yang memerlukan pertolongan kerana mementingkan diri sendiri.

- i. Ibadat haji adalah perkongsian rasa dan suasana secara beramai-ramai.
Oleh itu, bantulah orang yang memerlukannya, pasti Allah S.W.T. akan meringankan beban mereka;
- ii. Jemaah biasanya tinggal beramai-ramai di bilik-bilik penginapan yang mana penggunaan air adalah mengikut giliran. Jika orang yang mementingkan diri menggunakan bilik air terlalu lama untuk dirinya seorang, maka apa perasaan jemaah lain yang sedang menunggu giliran; dan
- iii. Suka bergaduh, panas baran, bertengkar, menjauhi diri dari kawan-kawan serta bermasam muka, tidak bertegur sapa dengan anggota keluarga dan sahabat handai melebihi 3 hari melambangkan ciri-ciri haji yang mardud.

SEBAB 8: Jika setiap amalan ibadat haji banyak bergantung kepada pertolongan jemaah lain sama ada secara upah atau sukarela seperti upah sorong tawaf, sai'e, melontar menyebabkan amalan tersebut tidak yakin sempurna.

SEBAB 9: Kurang semangat berjemaah di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi sedangkan berada di kedua-dua masjid ini diberi pahala yang berlipat ganda. Pahala berjemaah di Tanah Haram atau Masjidil Haram digandakan sehingga 100,000 kali ganda bagi setiap waktu solat. Sementara di Masjid Nabawi Madinah, pahala berjemaah ialah 1,000 kali ganda bagi setiap waktu solat.

SEBAB 10: Mengabaikan amalan-amalan sunat kerana bercita-cita hendak datang lagi pada masa akan datang sedangkan belum pasti dapat datang lagi. Atau pun suka menangguk pekerjaan yang baik serta malas bertalbiah selepas berniat.

- i. Apabila telah berada di Mekah, jemaah hendaklah mengamalkan kerja-kerja sunat yang banyak seperti bersedekah, mengunjungi sahabat handai dan beri'tikaf di masjid. Apatah lagi jika dapat membantu sesama jemaah yang memerlukan; dan
- ii. Digalakkan bertalbiah selepas berniat ihram kerana ia di antara perkara sunat yang diberati.

SEBAB 11: Membeli barang-barang di Tanah Suci Mekah (*shopping*) menjadi tujuan utama pergi ke sana. Sehingga berlaku pertenggaran di dalam jual beli. Satu dari sebab terhalangnya mencapai haji mabrur adalah kerana kuat tawar-menawar ketika membeli-belah. Ini mengurangkan sifat warak dan lari dari niat asal ke Mekah.

SEBAB 12: Sifat sombong dan bangga diri ketika bersama-sama kawan-kawan di Mekah masih lagi menjadi amalan untuk menonjolkan kehebatan diri, pangkat dan kemewahan hidup.

- i. Sepatutnya ketika di Tanah Suci Mekah, semua insan adalah sama sahaja, hanya yang terdekat di sisi Allah S.W.T. ialah yang paling bertaqwa; dan
- ii. Membesar diri dan merasa sombong dengan pangkat yang pernah disandang di Tanah Air merupakan galakan dari syaitan yang membakar api keegoan. Oleh itu, pangkat dan darjat perlu ditinggalkan di Tanah Air sahaja.

SEBAB 13: Tidak menghayati seluruh ibadat yang berbentuk *zikrullah* sepanjang berada di Arafah seperti khutbah Arafah, berzikir, membaca Al-Quran, berdoa dan amalan-amalan yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W.

SEBAB 14: Mengambil mudah tentang hukum mahram. Seperti wanita keluar berseorangan menunaikan umrah atau membeli belah.

- i. Terdapat dalam kalangan wanita yang berada di Mekah atau Madinah sering keluar berseorangan untuk membeli belah. Ini mudah menimbulkan fitnah; dan
- ii. Terdapat juga wanita keluar menunaikan umrah sunat di Tanah'em berseorangan diri. Ini sudah melanggar syariat Islam.

SEBAB 15: Tidak boleh mengawal nafsu keinginan dalam masa ihram dan percakapan yang tidak menjaga kesucian Tanah Suci Mekah dan Madinah. Tujuan berihram ialah untuk menutup nafsu bagi memberi ruang mengingati Allah S.W.T. Adalah rugi bagi jemaah yang masih bercakap untuk merangsang nafsu ketika dalam ihram kerana ini merupakan tegahan mutlak dari Al-Quran. Tegahan ini hanya berbentuk sementara sahaja iaitu sewaktu di dalam ihram. Firman Allah S.W.T. di dalam Surah Al-Hajj, ayat 30 yang bermaksud:

“.....jauhilah kekotoran syirik yang disebabkan oleh penyembahan berhala, serta jauhilah perkataan yang dusta.”

SEBAB 16: Melayani nafsu dalam masa berihram dan bercakap secara tidak hormat mengikut persekitaran Tanah Suci Mekah. Tujuan berihram adalah untuk menutup nafsu bagi memberi ruang mengingati Allah S.W.T. Adalah rugi bagi jemaah yang masih bercakap untuk merangsang nafsu ketika dalam ihram kerana ini merupakan tegahan mutlak dari Al-Quran.

SEBAB 17: Pengabaian ibadah Talbiah sedangkan ia adalah syiar haji yang penting untuk dilaksanakan selepas berniat ihram berdasarkan tuntutan hadith Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Sebaik-baik haji itu ialah yang diiringi dengan talbiah dan menyembelih korban”.

SEBAB 18: Keengganan bertaubat nasuha sedangkan untuk mendapat haji mabrur hendaklah sentiasa memohon keampunan dan menyesali kesalahan yang pernah dilakukan.

SEBAB 19: Mengabaikan pelaksanaan dam apabila melanggar larangan dalam ihram, tidak menyempurnakan Wajib Haji dan perkara-perkara berkaitan dengannya.

- i. Untuk melengkapkan segala kekurangan dalam ibadat wajib haji dan umrah hendaklah disempurnakan dengan bayaran Dam; dan

ii. Rujuk dahulu perkara-perkara ini kepada guru agama.

SEBAB 20: Tidak mengamalkan budi bahasa yang baik dengan meninggalkan nilai peribadi dan sopan-santun yang melambangkan akhlak yang mulia. Contohnya, jemaah sering berebut-rebut, mudah marah, kasar, melawan dan tidak mematuhi arahan daripada petugas.

SEBAB 21: Berpakaian yang kurang sesuai sewaktu di Tanah Suci Mekah. Jemaah haji wanita perlu menjaga aurat pada setiap masa yang boleh dilihat oleh lelaki. Oleh itu, pakaian yang dibawa ke Tanah Suci Mekah hendaklah sesuai dengan etika ibadah yang boleh mengelakkan fitnah. Contohnya, pakaian yang terlalu ketat, pakaian yang menimbulkan ghairah, pakaian berfesyen dan boleh menunjukkan kemegahan diri.

SEBAB 22: Melakukan ibadat dengan was-was. Seseorang itu hendaklah melakukan ibadah dengan ilmu dan keyakinan. Keraguan selepas selesai ibadah akan meresahkan jemaah itu sendiri menyebabkan amalannya tergantung. Oleh itu, hindarilah perasaan was-was dalam ibadat dengan menanam sifat keyakinan pada diri sendiri.

SEBAB 23: Pengabaian jemaah dalam doa dan zikir. Jemaah hendaklah memperbanyakkan amalan berdoa atau berzikir dalam setiap pergerakan manasik seperti semasa wukuf, bermalam di Muzdalifah, di Mina (termasuk waktu selepas melontar), tawaf, sai'e dan di tempat-tempat yang amat mustajab berdoa.

SEBAB 24: Tidak memberi keutamaan terhadap solat jenazah. Sebahagian jemaah haji Malaysia enggan melakukan solat jenazah selepas solat fardhu di Masjidil Haram. Hal ini tidak menggambarkan kesatuan dalam kehidupan Islam yang sepatutnya. Sedangkan bersolat jenazah di Masjidil Haram amat besar pahalanya. Solat sunat baadiyah boleh dilakukan selepas solat jenazah.

SEBAB 25: Memungut barang-barang yang dijumpai di Tanah Suci. Ada jemaah yang suka memungut barang-barang yang tercicir kepunyaan orang lain. Ini menjadi beban amanah untuk dipulangkan semula kepada empunya. Jika terambil barang-barang jumpaan hendaklah diserahkan ke Pejabat Pemegang Amanah seperti Tabung Haji atau syarikat pengelola jemaah atau Pejabat Baitulmal di Masjidil Haram atau Masjid Nabawi.

SEBAB 26: Meninggalkan solat fardhu.

i. *Masya'ir Haram :*

Mekah ke Arafah :

Ketika berangkat ke Arafah selepas Asar hari yang kelapan, jemaah haji menghadapi dilema untuk melaksanakan solat Maghrib semasa perjalanan ke Arafah. Jika dalam keadaan demikian, jemaah haji diberi dua pilihan untuk menyelesaikan solat tersebut:

- a. Berniat Jamak Takhir secara *tamam* bersama Isyak di Arafah (kerana hajat, *Masyaqqah*, juga atas sebab *nusuk*); atau
- b. Boleh melakukan solat Maghrib dengan cara menghormati waktu kemudian mengqadha'kannya.

Arafah ke Muzdalifah ke Mina:

Lazimnya jemaah yang berangkat dari Muzdalifah ke Mina melewati waktu Subuh dalam perjalanan yang sesak. Kadang-kadang tidak disedari waktu Subuh sudah dilepasi tanpa mendirikan solat itu. Boleh melakukan solat Subuh dengan cara menghormati waktu kemudian mengqadha'kannya.

ii. Keberangkatan pulang ke Tanah Air :

Sewaktu dalam penerbangan balik, ramai jemaah yang tidak menunaikan solat fardhu sedangkan mereka mempunyai pilihan Jamak Takhir atau Jamak Takdim mengikut kesesuaian atau sekurang-sekurangnya menghormati waktu jika berhadapan dengan kesulitan dan kesukaran.

SEBAB 27: Jemaah mengabaikan zikrullah, talbiah, munajat dan solat sunat di Muzdalifah dan Mina sedangkan Allah S.W.T. berfirman dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 198:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ فَإِذَا أَفَضْتُمْ مِّنْ عَرَفَاتٍ
فَأَذْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَاذْكُرُوهُ كَمَا هَدَيْتُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِنْ قَبْلِهِ
لَمَنِ الضَّالِّينَ (١٩٨)

Maafhumnya:

“Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan Haji). Kemudian apabila kamu bertolak turun dari Padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah dengan (doa, “talbiah” dan tasbih) di tempat Masya’ril Haram (di Muzdalifah) dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutnya sebagaimana Dia telah memberikan petunjuk hidayat kepadamu dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya”.

SEBAB 28: Melakukan pembaziran.

Pembaziran waktu:

Jemaah lebih banyak dengan kerja-kerja yang *lagha* (yang melalaikan) contohnya menghabiskan masa berada di gerai-gerai makan minum (melepak) sedangkan waktu yang terluang elok dipenuhi dengan umrah, beriktikaf di Masjidil Haram dan membaca Al-Quran.

Pembaziran Am:

- i. Mengambil masa yang agak lama di dalam bilik air tanpa mengutamakan jemaah lain yang memerlukan;
- ii. Mengambil makanan secara berlebihan; dan
- iii. Membeli-belah secara berlebihan.

SEBAB 29: Mengamalkan amalan yang berlawanan dengan akidah Islam.

Ada dalam kalangan jemaah yang membawa dan mengamalkan ilmu kebatinan yang sesat dan juga amalan khurafat di Mekah. Contohnya, menganggap kelambu Kaabah, tasbih kayu koka, batu lontaran Jamrah sebagai pelaris jualan, pendinding diri yang termasuk amalan-amalan syirik. Ini adalah bertentangan dengan akidah.

SEBAB 30: Mewakikan lontaran orang yang tidak uzur syar’ie. Syarak telah menentukan keadaan uzur syari’e dalam urusan ibadat. Adapun syarat-syarat wakalah melontar mesti mendapat pengesahan doktor bagi sesuatu keuzuran syari’e hingga habis tempoh, masuk waktu melontar. Ada dalam kalangan jemaah

menerima wakalah melontar bagi jemaah yang menganggap dirinya uzur syari'e sedangkan tidak merujuk kepada doktor perubatan ataupun guru agama, maka lontaran ini adalah tidak sah. Jika dia hilang keuzuran sebelum terbenam matahari 13 Zulhijjah, maka dia hendaklah menyempurnakan lontaran yang tertangguh mengikut tertib hari dan tertib Jamrah.

Ukuran uzur syari'e dari segi kesihatan ialah seseorang itu tidak mampu berdiri ketika bersembahyang.

SEBAB 31: Tidak menghayati kemuncak peribadatan di Mina (*khilaf al-Sunnah*).

Jemaah tidak berminat untuk melakukan Nafar Thani lalu berulang-alik dari Mina ke Mekah setiap hari sedangkan berada di Mina pada hari-hari Tasyrik adalah suatu yang utama dengan melakukan ibadat *fardhiyah* dan *ijtimaiyah*. Jemaah berpeluang untuk *ta'aruf*, bertolong bantu, bersilaturrahim sesama masyarakat Islam sedunia mencari keampunan dan rahmat Allah S.W.T. sambil menghayati sejarah Nabi Ibrahim a.s. dan sirah Baginda Rasulullah S.A.W. melalui majlis ilmu dalam bentuk diskusi, usrah, forum, ceramah dan lain-lain.

SEBAB 32: Mengabaikan tanggungjawab utama.

Terdapat dalam kalangan jemaah haji yang uzur yang ditemani oleh keluarga terdekat mengabaikan tanggungjawabnya apabila jemaah yang uzur tersebut memasuki hospital di mana keluarga yang terdekat tidak pergi menziarahi atau melawatinya. Sebaliknya keluarga terdekat tersebut sibuk beribadah untuk dirinya sendiri sedangkan ziarah juga dikira ibadat dan tanggungjawab.

SEBAB 33: Mengambil kesempatan daripada kelemahan jemaah haji dengan cara penindasan, penipuan dan mengambil wang dengan cara yang salah. Terdapat individu yang mendakwa dirinya sebagai ketua atau wakil kumpulan mengeksploitasi jemaah dengan alasan untuk membantu mereka yang memerlukan tanpa bukti. Contohnya, mengutip wang Dam ketika jemaah haji masih berada di Madinah sebelum memasuki Mekah (belum melakukan umrah pertama), mengutip Dam was-was, Dam pelbagai sedangkan ini tidak wujud dalam syariat.

SEBAB 34: Menghisap rokok difatwakan haram oleh Kerajaan Saudi dan Malaysia. Namun, terdapat dalam kalangan jemaah haji yang masih lagi menghisap rokok sehingga mengganggu rakan-rakan sebilik dan juga ketenteraman awam. Ini berdasarkan kepada Ayat 197 dalam Surah Al-Baqarah yang bermaksud:

“(Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian, sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri dan tidak boleh membuat maksiat dan tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan ibadat Haji.”

SEBAB 35: Meminta penghormatan tinggi kerana hendak menjaga kedudukan.

Ada jemaah yang dikategorikan dalam kalangan berprofil tinggi amat memerlukan penghormatan dari pengendali pemergian mereka ke Mekah seperti memohon hawa dingin di Arafah, kenderaan khusus untuknya, keadaan makanan yang terhidang seperti di hotel-hotel. Ini tidak melambangkan falsafah haji yang sebenarnya di mana manusia itu sama sahaja di sisi Allah S.W.T. kecuali yang membezakannya adalah taqwa. Oleh itu, sikap meninggi diri ini boleh diandaikan sebagai tidak selaras dengan falsafah haji mabrur.

SEBAB 36: Mengabaikan peraturan tawaf wadak.

Terdapat dalam kalangan jemaah haji yang memandang ringan terhadap tawaf wadak. Tawaf wadak adalah merupakan perkara yang **wajib** dilakukan sebelum meninggalkan Mekah. Oleh yang demikian, jemaah perlu mengikut peraturan tawaf wadak iaitu mesti dilakukan mengikut *urufnya* (*uruf* iaitu masa yang dikehendaki oleh syarak untuk meninggalkan Mekah selepas sempurna tawaf wadak selama empat jam). Pengabaian mengikut peraturan ini seolah-olah tidak menghormati sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Jangan ada di kalangan anda yang meninggalkan Masjidil Haram kecuali langkah terakhirnya dari Baitullah”.

SEBAB 37: Kembali menjadi jahiliyah.

Terdapat jemaah yang selesai dari menunaikan haji kembali mengulangi kerja-kerja jahiliyah seperti bagi lelaki memakai seluar pendek, berjudi, meninggalkan solat dan berkelakuan tidak senonoh. Manakala bagi wanita pula masih tidak mahu menutup aurat, mengunjungi pusat-pusat hiburan dan tempat-tempat maksiat dan lain-lain. Ertinya tidak ada perasaan malu untuk turut bergelumang dengan dosa bersama-sama orang jahiliyah. Sepatutnya hormatilah status haji dan kekalkan amalan murni bersendikan syarak.

4.5 KESIMPULAN

Kesemua para bakal haji yang bersusah payah melakukan ibadat itu amat berharap untuk mendapat haji mabrur. Sebenarnya haji mabrur itu kurniaan Allah S.W.T. melalui amalan para jemaah berdasarkan ilmu, ketaqwaan, kesabaran, sumber perbelanjaan yang halal dan berperanan sebagai hamba Allah S.W.T. yang paling patuh. Maka sesudah melakukan seluruh tuntutan bersendikan syariat itu, bertawakallah kepada Allah S.W.T. untuk diganjar dengan haji mabrur.

BAB 5



PENUTUP

Dari Amir bin Rabi'ah R.A., katanya: Telah bersabda Rasulullah S.A.W., maksudnya:

“Umrah yang satu kepada umrah lainnya menghapus dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan yang terdapat di antara keduanya, sedangkan haji yang mabrur itu tiada balasannya kecuali syurga.”

Huraian dan penjelasan yang telah diberikan dalam Manual ini diharap dapat memberikan satu gambaran mengenai haji mabrur dan seterusnya menjadi panduan ke arah pencapaiannya.

Untuk mencapai haji mabrur perlu dimulakan sejak sebelum berangkat haji. Haji mabrur harus dimulakan dengan niat yang ikhlas dan keazaman yang tinggi untuk menjalankan rukun Islam yang kelima dengan sebaik-baiknya. Seterusnya, harta yang menjadi sumber untuk menunaikan ibadah haji hendaklah dari sumber yang halal dan tidak lupa mengeluarkan zakat. Penting juga untuk mengikuti latihan manasik haji, sebaik-baiknya dalam tempoh yang lama, sehingga betul-betul mengerti seluruh rangkaian ibadah haji yang akan dilaksanakan.

Ciri-ciri orang yang memperoleh haji yang mabrur boleh dilihat setelah dia pulang haji. Kebaiikkannya meningkat, ibadahnya, iman dan takwanya, solatnya semakin baik. Di dalam keluarga, seseorang menjadi lebih baik, di pejabat pun dia menjadi lebih baik. Penambahbaikan itu ada dalam segenap aspek kehidupannya. Pendek kata, orang yang hajinya mabrur itu setelah pulang haji dia sangat bermanfaat bagi masyarakat di sekelilingnya. Sememangnya haji mabrur menjadi impian setiap jemaah. Sebab itu, setiap amalan ketika di Tanah Suci diberi ganjaran yang melampaui gandaannya. Semoga kita semua akan dikurniakan taufik

dan hidayah serta kemampuan untuk melaksanakan ibadah haji dengan sempurna dan penuh ketaqwaan serta terhindar dari sifat riak yang merusakkan segala amalan. Jangan lupa pesanan Rasulullah S.A.W. yang menyeru seseorang yang pulang dari melakukan ibadah haji mendoakan keampunan kepada para sahabat yang menyambut ketibaannya dari Tanah Suci. Ini membuktikan kepuasan hatinya setelah menunaikan haji itu.

Kepada Allah S.W.T. diserahkan segala urusan dan kepada Allah S.W.T. juga dipohonkan ganjaran di atas setiap amal yang dikerjakan.

RUJUKAN



1. Bahagian Bimbingan Jabatan Haji, Lembaga Tabung Haji (2007), *Himpunan Kertas Kerja Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Sebagai Bahan Rujukan Bagi Modul Kursus Haji (Jilid 1)*, Lembaga Tabung Haji
2. Majlis Tertinggi Urusan Keislaman Mesir, *Haji dan Umrah*.
3. Said bin Abdul Kadir Biisnifar(1999), *Al-Mughni Fi FiqahulHaji Wal u'mrah*, Beirut, Lubnan: Darul Ibnu Hazmi
4. Syeikh Abi Bakar Al-Jazaairi, *Al-Hajjul Mabruur*, Madinah Al-Munawwarah: Maktabah Ulum Walhikam.
5. Ustaz Hj. Mahamad bin Che Ngah dan Dato' Hj. Md Daud Che Ngah, *Pengajian Bekalan Haji (Zadul-Hajj)*: Darul Fikir
6. Ustaz Hj. Md. Daud Che' Ngah (2001), *Mabrurkah Hajiku ini (Siri Kedua)*, Pustaka Haji Abdul Majid

